

Ruj. Kami : ANM.PK.D/600-2/5(26)

Tarikh : 13 Januari 2020

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

**PERMOHONAN PENGHANTARAN AP58(a) JABATAN BAGI TUJUAN KELULUSAN
PEMBAYARAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman pihak tuan semua pembayaran yang memerlukan kelulusan AP58(a) hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak (JANM Perak) sebelum **30 April 2020**. Sebelum mengemukakan sijil AP58(a) kepada JANM terdapat beberapa tatacara permohonan yang perlu dipatuhi bagi mengelakkan sijil tersebut dikuiiri oleh JANM.

3. Sehubungan dengan itu, diminta semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab untuk merujuk pada lampiran yang disertakan sebelum menghantar permohonan kepada JANM Perak. Sebarang permohonan **selepas tarikh** yang dinyatakan **tidak akan dilayan**.

4. Kerjasama daripada pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**